

Headline	Pesara berbasikal solo cekal hadapi dugaan		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	12 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	8	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	338 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,443
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,329



Pesara berbasikal solo cekal hadapi dugaan

Hilang dompet, ditahan tak gugat misi terus kayuhan

Oleh Norakmah Mat Youb
norakmah@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kehilangan kamera, dompet selain ditahan pihak berkuasa kerana disyaki cuba menyeludup serbuk bahan letupan ketika merentasi lebih lima negara tidak pernah melunturkan semangat pesara guru, Adnan Osman, 70, menyelesaikan misi berbasikal secara solo dari Kuala Lumpur ke London.

Malah, cabaran itu menjadikan Adnan yang dalam misi mencipta rekod sebagai warga Malaysia tertua berbasikal secara solo sejauh 20,000 kilometer (km), lebih teruja.

Hampir lima bulan mengembara ke Thailand, Laos, China dan India sejak 25 September lalu, kini beliau berada di Pakistan.

Berasal dari Parit Buntar, Adnan yang memulakan kembara dari Taman Jaya, Petaling Jaya dijangka menyelesaikan perjalanan di Pakistan selama enam minggu sebelum tiba di Iran bagi meneruskan misi berbasikal yang dianggap sukar.

"Sebelum tiba di Pakistan, kamera saya dicuri dan ketika mahu memasuki China, pegawai imigresen menahan saya kerana disyaki cuba menyeludup bahan letupan.

"Pada masa itu, saya terpaksa menjelaskan kepada pegawai terbabit ia bukan seperti disangka dan ia hanya serbuk pencuci. Selepas mereka berpuas hati, saya dibebaskan," katanya dalam laman blog www.oadnanxtreme.blogspot.com.

Katanya, ketika dalam perjalanan ke India pula, dompetnya yang mengandungi duit, kad bank, kad pengenalan, lesen memandu dicuri.

Selain bercerita mengenai cabaran dihadapinya, beliau memuji keramahan dan kebaikan penduduk di negara dikunjungi itu yang bukan saja mengalu-alukan kedatangannya, malah turut serta berbasikal sebagai tanda sokongan.

Adnan berkata, antara pengala-

Headline	Pesara berbasikal solo cecal hadapi dugaan		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	12 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	8	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	338 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,443
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,329

man berharga diperoleh sepanjang berada di Pakistan menyaksikan perhimpunan bantahan terbesar yang disertai kira-kira sejuta orang di Lahore, pada 18 Disember lalu.

“Mungkin ada yang tertanya-tanya mengapa saya tidak kerap mengemas kini blog saya. Sebenarnya, saya kini menggunakan iPad dan kebanyakan tempat yang saya kunjungi tiada Wifi,” katanya.

Beliau dijangka tiba di Kota London sebelum upacara pembukaan Sukan Olimpik Julai ini, sekali gus merealisasikan impiannya menyaksikan acara sukan terbesar dunia selain mengutip dana untuk Yayasan AIDS Malaysia (MAF).

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menghubungi beliau menerusi e-mel adnan0711@gmail.com.



99

Mungkin ada yang tertanya-tanya mengapa saya tidak kerap mengemas kini blog. Sebenarnya, saya kini guna iPad dan kebanyakan tempat yang saya kunjungi tiada kemudahan Wifi

99

Adnan Osman
Pesara guru

ADNAN ketika sesi latihan terakhir pada September lalu sebelum memulakan misi berbasikal secara solo dari Kuala Lumpur ke London.